

KEBERKESANAN PROGRAM REALITI DAKWAH PENCETUS UMMAH TERHADAP PERKEMBANGAN DAKWAH

Muhammad Haziq Bin Mohd Dalley¹
Mohammad Salehudin Bin Mohammad Fauzi²
Syed Najihuddin bin Syed Hassan³

³Faculty Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Rancangan televisyen pada hari ini bukan sahaja menyiarkan hiburan semata-mata malah merupakan salah satu medium untuk perkembangan dakwah. Rancangan yang berkonsepkan realiti tv telahpun bersiaran sekian lama dan amat popular dalam kalangan masyarakat. Terdapat pelbagai program televisyen berbentuk realiti dakwah yang pernah disiarkan di kaca tv dan salah satunya adalah “Pencetus Ummah”. Program dakwah Pencetus Ummah ini merupakan suatu program realiti televisyen Islamik yang mencari pendakwah berkebolehan dan ianya ditayangkan di saluran Astro Oasis. Para peserta akan menonjolkan bakat mereka dalam berdakwah melalui program realiti tv ini. Akan tetapi sejauh manakah keberkesanan program ini terhadap peserta dalam perkembangan dakwah mereka. Kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti perkembangan dakwah yang berlaku terhadap diri peserta sepanjang dan selepas menyertai program realiti Pencetus Ummah ini serta kelemahan dan kekurangannya. Kaedah kajian yang digunakan sepanjang kajian ini adalah kaedah kaedah kualitatif dan iaitu melalui tinjauan daripada rujukan-rujukan yang relevan mengenai program realiti tv ini serta respons daripada peserta program. Hasil kajian ini mendapati program realiti dakwah Pencetus Ummah ini memberi impak yang besar terhadap perkembangan peserta dalam mencungkil bakat dan keberanian diri dalam berdakwah di khalayak ramai dan ianya mendapat penerimaan yang positif dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dalam merealisasikan program-program dakwah sama ada secara realiti tv ataupun medium lain yang lebih inovatif dan berguna terhadap individu dan masyarakat dalam perkembangan dakwah.

Kata Kunci: *Realiti televisyen, Pencetus Ummah, perkembangan dakwah.*

Pendahuluan

Industri penyiaran negara terus berkembang dengan kewujudan saluran penyiaran berkonsepkan pendekatan falsafah penyiaran berorientasikan Islam. Usaha mengenengahkan konsep penyiaran Islam secara syumul, antara medium terbaik mendidik masyarakat moden hari ini dilihat sebagai fenomena baru dalam industri penyiaran negara. Oleh yang demikian, perkara ini tidak dipandang sepi oleh beberapa penerbit beragama Islam, dengan memulakan langkah sebagai stesen satelit swasta berbayar, Astro menubuhkan saluran Astro Oasis pada 2007 dan implikasinya menjadikan saluran pemangkin kepada penyiaran Islam negara.

Program Dakwah Pencetus Ummah telah disiarkan di saluran Astro Oasis bermula pada tahun 2013 yang merupakan musim yang pertama dan program ini berlanjutan sehingga musim keempat pada tahun 2016 yang berlangsung hampir tiga bulan semusim. Program televisyen berbentuk realiti dakwah menyediakan pengetahuan Islam daripada sumber-sumber seperti al-Quran dan hadis, para ilmuan Islam, sirah nabawiyah, tamadun Islam dan gaya hidup melalui medium hiburan dan komersial (Ghazali Mohd Ali, 2009). Oleh itu, saluran dan program realiti tv dakwah diwujudkan untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat dan membentuk jati diri seorang pendakwah kontemporari di zaman moden ini. Selama program ini ditubuhkan, ramai peserta yang telah menyertainya bagi mengasah bakat dakwah dalam diri masing-masing dengan harapan dapat membantu dalam perkembangan syiar Islam setelah mendalami pelbagai ilmu hasil daripada program ini.

Pernyataan Masalah

Pendakwah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat secara berterusan. Pada era globasasi kini, dengan kemajuan teknologi pada hari ini, terdapat pelbagai bentuk platform yang boleh digunakan untuk menyampaikan dakwah antaranya melalui media sosial, kaca tv, radio dan sebagainya. Oleh itu, tidak ketinggalan juga program-program tv yang menganjurkan program realiti islamik yang berunsurkan dakwah bagi mencungkil bakat anak muda dalam membentuk seorang pendakwah kontemporari.

Program realiti tv Pencetus Ummah merupakan salah satu program yang agak popular dalam dunia penyiaran dakwah. Akan tetapi, sejauh manakah program sebegini dapat memberi impak kepada peserta pendakwah ini sama ada ianya memberi kesan positif mahupun negatif. Malahan limitasi ilmu agama menyebabkan peserta program seperti ini cenderung untuk melakukan kesilapan dalam berhujah (Ridhuan Tee, 2014). Tambahan pula, Amalan kontemporari dakwah yang diubahsuai dengan iringan muzik dan lagu telah menyebabkan pendakwah lebih dikenali sebagai penghibur berbanding agamawan (Harussani Zakaria, 2015). Oleh yang demikian, perkara sebegini boleh menimbulkan pelbagai spekulasi terhadap peserta pendakwah-pendakwah ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif iaitu :

1. Menyelidiki keberkesanan program realiti TV Pencetus Ummah kepada peserta program dan pengaruhnya pada perkembangan dakwah.

2. Mengenalpasti kelemahan dan kekurangan program Realiti TV Pencetus Ummah.
3. Mengkaji impak program realiti tv dakwah ini terhadap peserta dan masyarakat.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif iaitu dengan melakukan tinjauan dokumen-dokumen relevan berkenaan Program Pencetus Ummah dan berdasarkan pengalaman peserta yang menyertai program tersebut. Kajian yang berasaskan pengalaman dan pencapaian seseorang individu adalah lebih sesuai menggunakan pendekatan kualitatif (Keyton, 2006). Pengkaji melakukan pencarian berkaitan program Pencetus Ummah melalui laman sesawang dan dokumen-dokumen yang relevan yang berkaitan bagi menganalisis latar belakang program tersebut dengan lebih dalam serta melakukan perbualan bersama bekas peserta bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman darinya. Setelah itu, proses analisa dijalankan hasil dari kedua rujukan tersebut bagi menghasilkan penyelidikan ini.

Kajian Lepas

Kepelbagaian media massa pada masa kini telah membawa kepada perubahan kepada perkembangan dakwah yang berlaku diseluruh dunia khususnya, Negara Malaysia. Terdapat pelbagai jenis media yang ada termasuklah media sosial, rancangan televisyen, program ceramah dan sebagainya, khususnya rancangan bersifat keagamaan seperti Pencetus Ummah. Rancangan di pelbagai media sangat mempengaruhi masyarakat pada umumnya daripada pelbagai aspek contohnya aspek sahsiah dan tingkah laku .

Kajian yang dilakukan oleh Naemah Hanim Illani Binti Mat Said (23 Januari 2021) mendapati bahawa program realiti televisyen Islam yang menggunakan pendekatan dakwah santai bermanfaat ini mampu menarik penonton untuk lebih mendekati dan menghayati Islam. Hal ini menunjukkan peranan televisyen kepada masyarakat dalam menyampaikan dakwah bersesuaian dengan keadaan semasa.

Selain itu, Kajian yang dilakukan oleh Muhamad Faisal Ashaari (23 August 2021) mendapati peserta secara umumnya merasakan perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas menyertai program realiti TV agama. Para peserta menerima sesuatu perubahan dalam hidup dan cara mereka berfikir dan bertindak. Seterusnya, dapatan kajian yang dilakukan oleh Ghazali Mohd Ali (2017) menunjukkan para informan menerima teknik penyampaian dakwah yang disampaikan oleh peserta program Pencetus Ummah tetapi perlu berlandaskan syarak.

Di samping itu, Md Rozalafri Johor (2014) mengatakan dalam kajiannya iaitu rancangan TV Islamik merupakan suatu alternatif penting untuk ditonton oleh masyarakat sebagai suatu medium menuntut ilmu agama bagi pembelajaran sepanjang hayat.

Sebagai tambahan, Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman Shariffadeen (2018) dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa mereka yang berminat dengan agama lebih cenderung untuk mengikut akaun Twitter peserta program realiti Islamik.

Definisi Istilah

Antara istilah-istilah kata yang sering digunakan dalam menjalankan kajian ini sebagai istilah utama adalah seperti berikut :

1. Realiti televisyen didefinisikan sebagai genre pengaturcaraan televisyen yang mendokumentasikan situasi yang tidak dijelaskan dan kejadian sebenar, dan sering mempunyai pelakon yang tidak diketahui sebelumnya (Kamus Corsica, 2013).
2. Pendakwah kontemporari didefinisikan sebagai seseorang yang menjalankan aktiviti dakwah dalam era moden dengan melalui pendekatan medium perkembangan teknologi masa kini (Khodijah Rahmana, 2015).
3. Dakwah merupakan usaha untuk mengajak manusia dengan perkataan dan perbuatan kepada Islam, menerapkan manhajnya, memeluk akidahnya dan melaksanakan syariatnya (Amin Abd Aziz, 2005).

Kelebihan dan Kesan Program

Program realiti dakwah Pencetus Ummah merupakan program yang disiarkan dikaca tv bukan sekadar hiburan seperti program-program tv yang lain malah ianya adalah salah satu platform yang memainkan peranan yang penting dalam membentuk nilai keagamaan dalam diri pendakwah dan secara tidak langsung menarik masyarakat untuk mendekati dunia dakwah Islam. Sepanjang program ini berlangsung selama empat musim, program ini telah pun melahirkan pendakwah-pendakwah yang mampu menjadi insan yang sangat penting dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat seperti.

Berdasarkan dapatan kajian, bekas peserta menyatakan bahawa program ini mempersiapkan diri peserta dengan pelbagai cabaran yang akan diberikan sepanjang program ini berlangsung bagi memastikan mereka siap dengan ilmu pengetahuan yang semakin bertambah sebagai usaha menjadikan mereka seorang pendakwah muda yang berkredibiliti dan mampu menempuh cabaran di dunia luar setelah menyertai program ini. Dalam program pencetus ummah ini, para peserta diajar menyampaikan dakwah dengan cara lebih komprehensif. Mereka didedahkan dengan cara menggunakan kemahiran dan pengetahuan dengan betul. Perkara ini dapat menjadikan pemikiran pendakwah lebih matang. Program ini memupuk keyakinan dalam diri peserta untuk berdiri dan berhujah diatas pentas. Para peserta perlu mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal untuk membuat persembahan dikhalayak ramai dengan menyampaikan hujah-hujah yang disepakati dan sumber yang betul berdasarkan topik yang diberikan oleh pihak program. Oleh yang demikian, sebelum menaiki pentas program pencetus ummah, para pendakwah ini perlu menyiapkan diri dengan dasar ilmu yang betul berdasarkan quran dan hadis yang membuatkan mereka akan sentiasa dahagakan ilmu bagi menghadapi segala cabaran yang mendatang.

Persekitaran program ini tidak dinafikan lagi bahawasanya ianya didorong oleh ramai agamawan yang penuh dengan ilmu pengetahuannya bagi memberi didikan kepada peserta program untuk menjadi pendakwah yang lebih baik. Agamawan yang berpengalaman ini terdiri dari tenaga pengajar dan pendakwah yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu bagi memberikan penambahan ilmu kepada peserta. Sebagai manusia, sudah pasti tidak terlepas daripada melakukan kesilapan maka dengan adanya gologan agamawan yang berpengalaman sebegini dapat membantu dan membimbing mereka sepanjang program. Program ini adalah permulaan bagi pendakwah muda yang merupakan batu loncatan dalam usaha menviarasikan usaha dakwah. Antara beberapa bekas peserta yang telah mengembangkan dakwah mereka dengan pelbagai cara setelah menyertai program ini seperti PU Riz dan PU Amin yang

dakwahnya mengacarakan rancangan program Islamik dan kebanyakannya dari mereka menjadi motivator dakwah yang dikenali masyarakat dan berjaya. Oleh yang demikian, setelah menyertai program ini, dapat dilihat bahawa peserta dapat meningkatkan diri dengan perkembangan yang positif berbanding sebelum menyertai program ini.

Kelemahan Program

Setiap perkara yang dihasilkan oleh manusia pasti mempunyai kelemahan dan kekurangan. Kelemahan yang ada dalam program realiti TV Pencetus Ummah yang mungkin dapat diatasi dimasa akan datang adalah :-

1. Guru dan Pengajar

Guru dan murid boleh diibaratkan seperti pena dan kertas . Pena ialah Guru manakala kertas adalah murid. Jadi, tergantung cara bagaimana kertas itu harus dicorak dan diwarna samada secara kucar kacir ataupun secara tersusun dan teratur. Guru atau pengajar seharusnya seorang yang memiliki kredibiliti dan tanggungjawab dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar kepada peserta dengan lebih baik.

2. Masa dan Tempoh

Rancangan yang berlangsung selama hampir tiga bulan secara jujurnya tidak cukup untuk membentuk seseorang menjadi Pencetus Ummah kepada masyarakat. Hal ini adalah pembentukan akhlak individu tidak boleh dibentuk dalam tempoh yang sekejap , namun ianya hendaklah dalam tempoh masa yang lama sehingga individu menguasai dan mndalami sesuatu perkara.

3. Isi bukan persembahan

Seperti yang kita sedia maklum program Pencetus Ummah merupakan rancangan televisyen berkenaan dakwah dan penyampaian. Justeru itu, sudah pasti didalamnya terdapat unsur dakwah dan Islam . Ini bukan suatu perkara yang harus disebut , namun isi dan persembahan adalah dua perkara yang berbeza. Persembahan dan isi sama penting, isi tanpa persembahan tidak menarik manakala persembahan tanpa isi tiada guna.

Pandangan dan Penambahbaikan

Cadangan dan penambahbaikan yang mungkin boleh diperbaiki dimasa akan datang adalah yang diharapkan pertama agar program ini mampu terutama peserta yang menyertainya supaya memberikan fokus kepada penyampaian isi yang berkualiti dan berguna. Ini adalah kerana persembahan tanpa isi yang berkualiti akan menghasilkan persembahan yang juga tidak berkualiti. Kalau sekadar naik ke pentas untuk menangis meminta air mata atau meninggikan suara menuntut ketakutan, tiadalah berguna. Ini boleh diibaratkan seperti tin yang kosong, bunyinya kuat dalamnya kosong.

Seterusnya cadangan yang hendak diberikan adalah masa dan tempoh dalam rancangan mungkin boleh dipanjangkan mengikut kadar yang sesuai, tidak terlalu panjang atau tidak terlalu pendek. Ini supaya mereka yang memasuki program tersebut mampu menjadi orang yang menggerakkan dakwah dan Islam dikalangan masyarakat. Diharapkan agar mereka ini mampu menyumbang kepada masyarakat secara umum.

Pemilihan guru dan pengajar yang sesuai memainkan peranan yang penting dalam menjadikan seseorang yang menyertai program realiti TV ini seseorang pendakwah yang professional. Sama ada dari segi akhlak individu dan persembahan ketika di atas pentas. Dengan pemilihan guru atau pengajar yang tepat, mampu menyumbang kepada perubahan akhlak kepada individu sekiranya dilakukan dengan benar.

Kesimpulan

Program realiti tv antara media yang dapat digunakan dalam penyampaian dakwah pada abad ini. Melalui saluran ini, ianya dapat digunakan dengan sebaiknya dalam penyebaran syiar Islam dengan cara yang lebih mudah berbanding melalui kaedah tradisional ataupun secara langsung kerana penggunaan media sebegini adalah lebih menarik dan kontemporari yang mampu menarik ramai orang dan lebih cepat penyebarannya. Justeru itu, pendakwah yang berbakat dan berkemahiran perlu menggunakan sebaik mungkin media yang sedia ada dalam menjadikannya satu saluran untuk memaksimumkan keberkesanan dakwah kepada masyarakat dan dirinya. Kreatif dalam berdakwah adalah sangat penting dalam penggunaan media sebagai saluran dakwah agar ianya menarik dan mudah diterima sebagai gaya hidup. Program realiti tv Pencetus Ummah merupakan salah satu saluran media yang merupakan program berteraskan keagamaan yang mencungkil dan mendidik bakat-bakat pendakwah muda pada hari ini bagi menggalakkan mereka dalam kegiatan dakwah. Program sebegini dapat memanfaatkan pendakwah muda dan media secara maksimum dalam perkara keagamaan. Dengan adanya platform sebegini dapatlah mereka meningkatkan pengetahuan dan diajar lebih berani menghadapi masyarakat. Walaupun mungkin terdapat kekurangan dan masih belum mampu untuk menjadi rujukan dalam masyarakat, program dakwah ini mampu memberi cabaran dan dorongan dalam memperbaiki diri dan boleh menjadi contoh yang baik dan bahkan mampu menarik masyarakat untuk mengenali Islam dengan lebih dalam,

Rujukan

- Ahmad Safwan Raihan. (2019). *Kajian Keberkesanan Aplikasi Whatsapp Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan*.
- Amin Abdul Aziz. (2005). *Fiqh Dakwah Prinsip dan Kaedah Asasi Dakwah Islam*. Solo : Era Intermedia, h. 27.
- Azizul Azra Bin Abdul Razak. 2018. *Falsafah Dakwah Bil hal: Menurut Perspektif Al-Quran*.
- Ghazali Mohd Ali. (2009). *Program Realiti Tv Dakwah: Analisis Penerimaan Golongan Muda Terhadap Teknik Penyampaian Dakwah Program Pencetus Ummah*.
- Harussani Zakaria. (2015). "Keghairahan Menjadi Selebriti Agamawan". *Majalah I. Selangor: Karangraf*. Vol 140. June. pp 20-21.
- Keyton, J. (2006). *Communication Research Asking Questions, Finding Answers*. 2nd Edition. New York: McGraw-Hill.
- Khodijah binti Abdul Rahmana. 2015. *Peranan Pendakwah Kontemporari Dalam Institusi Keagamaan*.
- Md Rozalafri Johor. 2014. *Rancangan Tv Islamik: Membawa Madrasah Kepada Masyarakat*.
- Mohamad Muhidin bin Patahol Wasli. 2020. *Malaysian Muslims' Critical Engagement with the Imam Muda Islamic Reality TV show as informal Islamic Education*.
- Muhamad Faisal Ashaari. (23 August 2021). *Pandangan Peserta Tentang Pencapaian Selepas Menyertai Program Realiti Tv Agama Di Malaysia*.

- Naemah Hanim Illani Binti Mat Said. (23 Januari 2021). Kepentingan Program Realiti Televisyen Islam Sebagai Mekanisma Dakwah Kontemporari Di Malaysia.
- Naemah Hanim Illani Binti Mat Said. 2020. The Development Of Islamic Reality Television Programs In Malaysia.
- Naemah Hanim Illani binti Mat Said. November 202. The Issues And Process Of Islamic Reality Television Programmes And Its Compliance To Jakim Guidelines.
- Nana Sudirna. 2013. (Dampak Pesan Dakwah Dalam Sinetron Berkah Yang Di Tayangkan Di RCTI Terhadap Perilaku Masyarakat RT/RW 017/006 Desa Cibentar Kec. Jatiwangi).
- Reality Tv - Definisi reality TV dalam kamus Corsica. (2013). Educalingo.com. <https://educalingo.com/ms/dic-en/reality-tv>
- Ridhuan Tee Abdullah. (2014). "Fenomena Astizah Segera". Sinar Harian. 21 April. Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/ridhuan-teeabdullah/fenomena-astizahsegera-1.272574>.
- Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman Shariffadeen. 2017. Following Islamic Reality Show Personalities on Twitter: A Uses and Gratification Approach to Understanding Parasocial Interaction and Social Media Use.